

25 SEP 1998

RAKYAT TIDAK MUDAH TERPENGARUH DENGAN MEDIA ASING, KATA ISA

SEREMBAN, 25 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad hari ini berkata beliau percaya majoriti rakyat negara ini tidak akan mudah terpengaruh dengan laporan negatif media asing berhubung isu perlucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Isa, rakyat negara ini sebenarnya sudah biasa dengan laporan negatif media asing dan oleh itu tidak mudah terpengaruh dengan laporan seumpama itu.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) di sini, katanya, beliau percaya media asing akan terus menyelewengkan fakta dan memberikan gambaran yang tidak benar.

Beliau menyifatkan laporan negatif media asing berhubung isu pelucutan Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan daripada Umno sebagai sesuatu yang sengaja dilakukan untuk memburukkan imej negara.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard yang mengkritik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isa berkata, Howard tidak berhak membuat kenyataan itu.

Adalah tidak wajar Howard menilai tindakan Dr Mahathir daripada kacamatanya kerana keadaan negara ini dan Australia adalah jauh berbeza.

Isa menyifatkan kritikan Howard itu sebagai cuba memancing undi menjelang pilihan raya Australia tidak lama lagi.

-- BERNAMA

AZ PR